

38 setempat 29-07-2017 HARIAN METRO

Shahrihar Latib am@metro.com.my

**'AQUAMAN' VETERAN**  
 ■ Penyelam warga emas aktif latih ribuan peminat selam skuba

Abdul Manap (tengah dari kanan) menunjukkan koleksi mengumpul keengkapan yang betul untuk selam skuba ketika berada di dalam laut.

SABTU BEST!

**Rampas**

“A da setengah penyelam, 10 minit berada di dasar sudah rasa sejuk, rekod saya pernah menyelam selama 120 minit pada keselamatan lapan hingga 10 meter. Dasar paling dalam pernah cecah hingga paras 40 meter,” kata penyelam warga emas, Abdul Manap Abdul-lah, 61.

Pesara Jabatan Taman Laut Malaysia (JILM) itu berkata, sepanjang tempoh lebih 20 tahun berkecimpung dalam bidang ini, pelbagai kenangan pahit dan manis dilaluinya yang tidak dapat dilupakan, malah ada yang dijadikan pengalaman berharga.

“Kerangan pahit yang tak boleh dilupakan apabila berhadapan dengan situasi cemas sebab kena tolok dengan arus hingga ke dasar. Ketika itu untuk menyelamatkan diri saya perlu merangkak di dasar hingga ke tempat cetek, jika tidak saya ditolak ke tempat lebih dalam.

“Kenangan manis pula



Abdul Manap (tengah dari kanan) menunjukkan koleksi mengumpul keengkapan yang betul untuk selam skuba ketika berada di dalam laut.

apabila perkara yang saya lakukan selama terbabit dengan pelbagai aktiviti selam skuba dihargai kerajaan dengan dianugerahkan sijil penghargaan sebagai wira yang tak didendang,” katanya ketika ditemui, kelmarin.

Beliau yang kini menjadi jurulatih selam skuba itu percaya, minat mendalamnya dalam sukan air itu menjadikan ketahanan badannya lebih kuat untuk menyelam. Ini kerana penyelam yang tidak mempunyai minat kebiasaannya tidak mampu bertahan untuk menyelam dalam tempoh lama.

“Sudah ramai penyelam skuba berlesen yang dilatih saya hingga memecah ribuan orang, saya kini fokus melatih individu atau kumpulan yang mengambil lesen,” katanya.

Menurutnya, tidak ramai bangsa Melayu yang terbabit dengan aktiviti selam skuba berbanding kaum lain.

“Disebabkan minat dengan aktiviti selam skuba yang mendalam, saya masih kekal hingga kini. Lagi pun saya ingat pesan orang tua, jika kita ada ilmu jangan kedekut, jadi selagi masih kuat saya akan terus melatih sesiapa pun yang berminat.

“Cuma ada pelatih yang mengatakan saya garang hingga ada yang takut. Saya aktif memarang tegas kerana soal keselamatan adalah elemen utama bagi aktiviti selam skuba manakala kejapan kecil boleh mengakibatkan pelbagai kesan hingga boleh membawa kematian, jadi saya tak mahu ini terjadi kepada mereka,” katanya.

Katanya, selain aktif sebagai jurulatih selam skuba selepas bersara tiga tahun lalu, beliau turut aktif dengan pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

Pada 1993 ketika ditugaskan di Pulau Tioman, Abdul Manap menceburi aktiviti selam skuba sebelum membatalkan tekad mengambil lesen pada 1994.

“Selepas 10 tahun, saya lulus peperiksaan sebagai jurulatih selam skuba. Sebelum ini saya banyak menjadi sukarelawan dan membantu saintis membuat kajian di dasar laut, hingga kini saya masih aktif walaupun rakan sebaya semutarnya sudah penen penyelam,” katanya.

HARIAN METRO  
 TARIKH: 29/07/2017 (M.S. 29/07/2017)



Abdul Manap menunjukkan koleksi sijil penghargaan diterimanya sepanjang terbabit aktiviti selam skuba.